

TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN RUKHSAH SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG PERAI, PULAU PINANG

LEVEL OF KNOWLEDGE AND PRACTICE OF RUKHSAH (CONCESSION) IN PRAYERS AMONG STUDENTS AT SEBERANG PERAI POLYTECHNIC, PULAU PINANG

Nor Izzati Binti Mahd Nor ¹
Mohd Fazlon Bin Abdul Rahim ²
Nurul Shahida Binti Azmi ³

¹ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang (Email: izzati@psp.edu.my)

² Jabatan Pengajian Am, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang (Email: fazlon@psp.edu.my)

³ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang (Email: shahida@psp.edu.my)

Article history

Received date : 19-9-2023
Revised date : 25-9-2023
Accepted date : 29-10-2023
Published date : 14-11-2023

To cite this document:

Mahd Nor, N. I., Abdul Rahim, M. F., & Azmi, N. S. (2023). Tahap pengetahuan dan amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Journal of islamic, social, economics and Development (JISED)*, 8 (58), 107 – 118.

Abstrak: *Keperluan untuk bermusafir dan berdepan dengan keadaan sakit memerlukan semua umat Islam menguasai ilmu rukhsah solat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan dan tahap amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Kajian adalah berbentuk kuantitatif secara kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian dilakukan ke atas 210 orang pelajar yang mengambil kursus MPU23012/MPU23032 Pengajian Islam dan MPU23052 Sains Teknologi Kejuruteraan Dalam Islam di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang bagi sesi 2 2022/2023. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29.0 bagi mendapatkan taburan kekerapan, peratusan, skor min, dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan rukhsah solat adalah tinggi ($M=4.16$, $SP=0.57$) dan tahap amalan rukhsah solat adalah sederhana ($M=3.59$, $SP=0.61$). Kajian ini dilaksanakan bagi membantu penyelidik dan pihak lain yang berkepentingan bagi merangka modul atau model sokongan berupa manual pembangunan solat yang bersesuaian untuk memberikan pendedahan dan memperkasakan ilmu dan amalan berkaitan rukhsah solat dalam kalangan pelajar.*

Kata kunci: *rukhsah solat; tahap pengetahuan; tahap amalan*

Abstract: *The need to travel and face illness related circumstances requires all Muslims to master the knowledge of rukhsah (concession) in prayers. This study aims to assess the level of knowledge and practice of rukhsah (concession) in prayers among students at Seberang Perai Polytechnic, Pulau Pinang. Quantitative approach was applied in the study whereby a survey using a questionnaire instrument was administered. The study was carried out on 210 students who were taking the MPU23012/MPU23032 Islamic Studies and MPU23052 Engineering*

Technology Science in Islam at Seberang Perai Polytechnic, Pulau Pinang for the second session of 2022/2023. Data was analyzed using SPSS version 29.0 to obtain frequency distribution, percentages, mean scores and standard deviations. Based on the study, it was evident that the level of knowledge of rukhsah (concession) in prayers is high ($M=4.16$, $SD=0.57$), and the level of practice of rukhsah (concession) in prayers is moderate ($M=3.59$, $SD=0.61$). This study was conducted to assist researchers and other stakeholders in designing modules or support models in the form of a prayer development manual that is suitable for providing exposure and strengthening knowledge and practices related to rukhsah (concession) in prayers among students.

Keywords: *rukhsah (concession) in prayers; level of knowledge; level of practice*

Pengenalan

Solat merupakan ibadah yang paling utama dalam Islam. Selain itu, solat yang dikerjakan dengan baik dan sempurna merupakan penghubung antara hamba dengan pencipta-Nya. Ibadat solat merupakan ibadat pertama yang akan dipersoalkan dan dihisab pada hari kiamat kelak. Majoriti umat Islam termasuklah masyarakat orang asli sedar dan tahu akan perintah kewajipan solat serta tatacara menunaikannya (Habibah et al., 2015; Hasna, Ahmad Syukran & Mohd Ismail, 2015). Solat agak sukar dilakukan oleh orang yang sakit dan musafir kerana melibatkan masa dan pergerakan fizikal dan kedudukan seperti berdiri, duduk, rukuk dan sujud. Oleh itu, Islam memperkenalkan konsep rukhsah yang bermaksud kemudahan atau keringanan yang diberikan kepada orang Islam yang berhadapan dengan situasi sukar bagi membolehkan mereka tetap melakukan solat walaupun terdapat halangan dan batasan keupayaan.

Pengetahuan berkaitan rukhsah solat adalah sangat penting untuk dikuasai oleh setiap orang Islam. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan tahap amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Kajian adalah berbentuk kuantitatif secara kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian dilakukan ke atas 210 orang pelajar yang mengambil kursus MPU23012/MPU23032 Pengajian Islam dan MPU23052 Sains Teknologi Kejuruteraan Dalam Islam di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang bagi sesi 2 2022/2023. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29.0 bagi mendapatkan taburan kekerapan, peratusan, skor min, dan sisihan piawai.

Pernyataan Masalah

Ulama *fiqh* mentakrifkan rukhsah sebagai hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT berdasarkan kepada keuzuran-keuzuran manusia demi menjaga kepentingan dan hajat mereka, di samping kekal sebab yang mewajibkan hukum yang asal (Mohd Saleh, 2005). Menurut Che Anuar et al. (2015) rukhsah ditakrifkan sebagai perkara-perkara yang asalnya terlarang yang telah dihalalkan untuk meringankan kesusahan walaupun perundangan Islam secara jelas melarangnya. Dalam konteks solat, terdapat halangan dalam menunaikan solat terutamanya disebabkan keadaan sakit dan musafir. Tuntutan beribadat dalam Islam adalah mudah, tidak membebankan dan menyukarkan sehingga tidak dapat dilakukan oleh seseorang umat Islam yang mukalaf. Mukalaf bermaksud seseorang yang telah dipertanggungjawab oleh Allah SWT untuk menunaikan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Ada tujuh sebab yang membolehkan rukhsah dalam ibadat secara umumnya (Al-Sayuti, 2009). Antara sebab yang utama adalah musafir dan sakit. Musafir yang dimaksudkan adalah

berperjalanan jauh melebihi 90 km dengan bertujuan baik, bukan perkara maksiat. Musafir menjadi sebab kepada keharusan jamak (menghimpunkan) dan qasar (memendekkan) solat fardu. Seorang yang musafir juga boleh meninggalkan solat Jumaat dan berbuka puasa Ramadan. Kedua, keharusan rukhsah disebabkan sakit. Orang yang sakit diharuskan untuk bertayamum sekiranya sukar menggunakan air, solat fardu atau solat Jumaat dalam keadaan duduk, baring atau isyarat, jamak (menghimpunkan) antara dua solat, meninggalkan puasa Ramadan dan sebagainya. Rasulullah SAW bersabda dalam hadis sahih al-Bukhari (6701):

إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ تَعْدِيبِ هَذَا نَفْسَهُ

Maksudnya:

Allah SWT tidak memerlukan penyiksaan terhadap diri sendiri oleh lelaki ini.

Prinsip Islam adalah anjal, Allah SWT tidak menyukarkan sesuatu perkara melainkan ada sebabnya dan Allah SWT juga tidak memberatkan sesuatu kewajipan melainkan sesuai dengan kemampuan manusia. Ibadah yang dilakukan dalam keadaan sukar maka Allah SWT akan mengurniakan pahala yang besar. Tiada sandaran dalam syarak menyukarkan diri sendiri untuk tujuan ibadah akan diberikan pahala yang lebih sesungguhnya Islam itu mudah tetapi dalam masa yang sama bukan untuk diambil mudah.

Masyarakat Islam Malaysia telah lama beragama Islam, namun masih kurang arif untuk melakukan solat di luar keadaan biasa. Keadaan sukar untuk melakukan solat dalam situasi biasa berlaku dalam banyak keadaan sehingga mengakibatkan kewajipan solat ditinggalkan. Hakikatnya, permasalahan ini perlu ditangani dan diambil berat kerana ia melibatkan tanggungjawab khusus seseorang terhadap agamanya. Tambahan, solat dapat menghindarkan stres, memberikan ketenangan dan kekuatan jiwa ketika berdepan dengan kesukaran dalam kehidupan (Abd Rashid, 1995; Nor Azah, 2011; Salasiah Hanin et al., 2014). Tambahan, kajian terhadap pesakit Covid-19 di Malaysia mendapati solat merupakan salah satu ketahanan rohani atau *spritual resilient* sebagai faktor kesembuhan pesakit. *Spritual resilient* adalah nadi pertumbuhan pesakit Covid-19 pasca trauma (Hafizah Khusni et al., 2022).

Sorotan Literatur

Menurut Siti Maliati Kasim (2022), tahap kesedaran terhadap pelaksanaan solat dalam kalangan pesakit ortopedik adalah sederhana kerana sokongan untuk melaksanakan solat sangat rendah. Kajian juga mencadangkan agar dibina satu manual pembangunan solat dalam kalangan pesakit ortopedik. Dapatan ini menyokong kajian Irwan et al. (2016) terhadap mangsa banjir di pusat pemindahan banjir di Temerloh, Pahang. Kajian mendapati mangsa banjir keliru sama ada mereka dibenarkan solat jamak dan qasar atau tidak dalam keadaan kesukaran akibat banjir, tidak solat kerana waswas dengan kebersihan tempat dan tidak memahami konsep ibadah mengikut kemampuan.

Selain itu, pengamalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap sederhana. Kajian terhadap pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak mendapati tahap kefahaman dan pengamalan terhadap rukhsah solat pada tahap sederhana dan perlu diperbaiki (Norhidayani & Mohd Zaid, 2022). Namun begitu, dapatan kajian Solhal Huda et.al (2020) mendapati kefahaman dan pengamalan pelajar terhadap rukhsah solat jamak dan qasar adalah tinggi kesan daripada program usrah di Pusat Islam Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis. Ini membuktikan bimbingan berterusan adalah penting untuk memberi kefahaman dan tanggungjawab dalam melaksanakan rukhsah solat.

Menurut kajian Seri Kartini dan Fariza (2013) pula tahap pengamalan ajaran Islam dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh adalah baik. Namun dapatan kajian soal selidik mendapati terdapat ramai pelajar yang tidak konsisten melakukan solat fardu. Pengabaian solat fardu dalam kalangan pelajar berkemungkinan terjadi disebabkan kurang kesedaran tentang kewajipan solat atau masih kurang pengetahuan tentang pengamalan solat. Dapatan yang diberikan menunjukkan bahawa terdapat masalah ketidakbertanggungjawaban dalam melaksanakan solat fardu dalam kalangan pelajar walaupun mereka tidak menghadapi kesukaran untuk melakukannya. Hal ini berpunca daripada sikap mengambil mudah dalam melaksanakan kewajipan solat.

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi membantu penyelidik dan pihak lain yang berkepentingan bagi merangka modul atau program yang bersesuaian untuk memberikan pendedahan dan memperkasakan ilmu berkaitan rukhsah solat dalam kalangan pelajar. Ini bagi memastikan semua umat Islam tetap menunaikan kewajipan solat dalam semua keadaan. Ini kerana walaupun menyedari hakikat tentang kepentingan solat ini, masih terdapat umat Islam yang mengabaikan solat dengan pelbagai alasan. Hasil dapatan kajian akan dijadikan panduan untuk merangka modul atau program yang bersesuaian untuk memperkasakan ilmu berkaitan rukhsah solat dalam kalangan pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap pengetahuan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.
2. Mengetahui tahap amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan menambahkan pengetahuan serta keyakinan kepada pelajar politeknik khususnya pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang berkaitan tanggungjawab menunaikan solat dalam semua keadaan dan situasi. Persepsi pelajar yang merasakan solat itu menyusahkan dan membebankan akan lenyap apabila pelajar faham dan mahir dalam melaksanakan rukhsah solat. Akhirnya pelajar dapat mengamalkan rukhsah solat apabila berhadapan dengan keadaan kesukaran untuk melakukan solat dalam keadaan biasa. Ilmu rukhsah solat juga boleh digunakan oleh pelajar untuk mengajar orang lain terutamanya ahli keluarga dan komuniti setempat.

Selain itu, kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji seterusnya dan menambahkan lagi kajian berkaitan rukhsah solat dalam kalangan masyarakat setempat dan seluruh negara. Kajian ini penting untuk dijadikan rujukan kepada pihak berkepentingan untuk mengambil tindakan bersesuaian bagi memastikan pengetahuan dan amalan rukhsah solat menjadi keutamaan serta memastikan solat fardu sentiasa diamalkan tanpa pengecualian. Kajian sebegini perlu dilakukan dengan lebih mendalam dan meluas bagi meninjau sejauh mana kefahaman masyarakat terutamanya generasi muda berkaitan ibadah khususnya rukhsah solat. Ini kerana pada masa kini hampir semua umat Islam perlu untuk bermusafir dan berhadapan dengan keadaan kesukaran disebabkan sakit atau kemalangan.

Metodologi Kajian

Kajian adalah berbentuk kajian tinjauan untuk melihat tahap pengetahuan dan amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Reka bentuk kajian tinjauan merupakan kajian berbentuk kuantitatif. Kajian ini melibatkan analisis statistik deskriptif. Othman Talib (2015) berpendapat statistik deskriptif bertujuan memperihalkan set-set data mentah yang diambil dari sampel bagi memahami ciri-ciri sampel yang mewakili populasi. Di dalam kajian ini, analisis deskriptif akan memfokuskan analisis deskriptif melalui kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Borang soal selidik digunakan oleh pengkaji sebagai instrumen utama bagi tujuan pengumpulan dan analisis data. Set soalan soal selidik dibangunkan bertujuan untuk menjawab semua objektif kajian yang telah dibina.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini meliputi pelajar muslim yang mengambil kursus MPU23012/MPU23032 Pengajian Islam dan MPU23052 Sains Teknologi Kejuruteraan Dalam Islam di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang bagi sesi 2 2022/2023. Sampel sebanyak 210 orang pelajar diambil daripada keseluruhan populasi pelajar yang berjumlah 452 orang. Saiz sampel dibuat berdasarkan saranan Krejcie dan Morgan (1970). Perincian populasi bilangan pelajar boleh dilihat sebagaimana dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Taburan responden mengikut jabatan akademik dan program

Jabatan dan Semester	Bilangan	Peratus
Jabatan Perdagangan (semester 2)	215	48
Jabatan Kejuruteraan Elektrik (semester 5)	67	15
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (semester 2)	151	33
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (semester 1)	19	4
Jumlah	452	100

Sumber: Data dan Rekod, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang (2023)

Persampelan secara rawak digunakan untuk membolehkan setiap responden dalam kajian mempunyai peluang yang sama untuk dipilih atau tidak dipilih (Sabitha Marican, 2005). Kumpulan pelajar ini dipilih kerana dalam topik satu, pelajar mempelajari Konsep Asas Islam yang memuatkan sub topik solat. Oleh itu pemilihan populasi dalam kalangan pelajar tersebut adalah dirasakan bersesuaian bagi mendapatkan maklumat pengetahuan sedia ada pelajar sebelum mempelajari kursus yang ditawarkan. Data telah ditadbir sendiri oleh pengkaji dan dianalisis secara statistik deskriptif iaitu menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai.

Pengkaji memilih reka bentuk persampelan kebarangkalian secara rawak mudah. Antara kelebihan persampelan ini adalah sampel yang dipilih lebih cenderung mewakili populasi yang dikaji, pengkaji boleh membuat anggaran kepada ketepatan atau kewakilan sampel kajian, dapat memberi anggaran yang tepat terhadap kejayaan dan kegagalan sampel kajian dan dapat memastikan sampel yang dipilih mewakili populasi kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik sebagai alat untuk mengumpul maklumat tahap pengetahuan dan tahap amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Pengkaji memilih soal selidik sebagai instrumen kerana sampel kajian yang melibatkan lebih daripada 100 orang responden

adalah lebih mudah ditadbir menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik diedarkan melalui pautan *google form* yang memudahkan pelajar mengakses dan terus menjawab soalan yang dikemukakan.

Sebelum melakukan proses pengumpulan data, pengkaji memastikan bahawa semua item yang terkandung dalam borang soal selidik menepati objektif kajian. Ini bagi memastikan data yang dikumpul dapat memberi maklumat dan menjawab semua objektif dan persoalan kajian. Pengkaji cuba mendapatkan set soalan soal selidik yang telah dibangunkan oleh pengkaji lain yang melakukan kajian yang hampir sama untuk diubahsuai. Seterusnya, pengkaji mengubahsuai item-item soalan supaya ia sejajar dengan tajuk kajian dan objektif kajian. Bentuk soalan adalah ringkas, padat dan kuantiti jumlah keseluruhan item dalam soal selidik adalah sederhana yang mana tidak membebankan dan tidak mengelirukan responden ketika menjawab.

Kesemua item yang dibentuk telah dikemukakan kepada pakar bidang bagi mendapatkan kesahan muka dan kesahan kandungan. Setiap item disemak dan dibaiki supaya jelas dan tidak mengelirukan responden. Kajian rintis telah dilakukan untuk menguji kebolehpercayaan item-item instrumen yang digunakan dalam kajian sebenar. Kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan atau ketekalan sesuatu ukuran yang digunakan dalam sesuatu kajian (Lim & Chee, 2010). Analisis statistik menggunakan perisian SPSS versi 29.0 menunjukkan nilai alpha Cronbach yang diperolehi adalah $\alpha = 0.88$. Menurut Sekaran (1992) nilai alpha yang melebihi 0.80 adalah pekali yang sangat baik dan boleh diterima.

Data yang diperolehi telah dianalisis secara statistik deskriptif iaitu melalui kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Interpretasi skor min adalah merujuk Wiersma (2000) yang memberikan interpretasi skor sebagaimana jadual berikut:

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

Struktur soal selidik terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Keseluruhan konstruk dan bilangan item soal selidik adalah seperti ringkasan dalam jadual berikut:

Jadual 3: Penerangan Kandungan Instrumen Kajian

Bahagian	Kandungan	Bilangan Item
A	Demografi responden (pelajar)	3
B	Tahap pengetahuan rukhsah solat	12
C	Tahap amalan rukhsah solat	11
D	Kemudahan peralatan rukhsah solat	7
Jumlah item		33

Struktur soalan dalam bahagian B, C dan D adalah berbentuk skala Likert. Responden diminta menjawab item-item yang telah dibentuk dengan memilih respon yang sesuai daripada lima skala pilihan jawapan iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju.

Skala Likert pengskoran lima mata digunakan oleh pengkaji dalam kajian. Chua Yan Piaw (2006) menyatakan kelebihan skala Likert kerana sifatnya mudah diurus, item yang mudah dijawab dan data yang dipungut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji telah menyediakan set soalan yang paling minimum serta mampu menepati konsep yang hendak diukur. Ini kerana pengkaji menyedari kemampuan responden yang hanya dapat memberi tumpuan menjawab soalan dalam masa yang singkat. Menurut Chua Yan Piaw (2006) lagi, responden hanya dapat menumpukan perhatian kepada soal selidik selama 10 sehingga 20 minit sahaja.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini akan menjelaskan dapatan kajian bagi objektif kajian yang telah dibentuk. Dapatan kajian terbahagi kepada tiga bahagian iaitu demografi responden, tahap pengetahuan dan tahap amalan rukhsah solat.

Demografi responden

Seramai 210 orang pelajar yang mengambil kursus MPU23012/MPU23032 Pengajian Islam dan MPU23052 Sains Teknologi Kejuruteraan Dalam Islam di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang bagi sesi 2 2022/2023 telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Maklumat demografi pelajar yang meliputi jantina dan latar belakang jabatan akademik adalah sebagaimana yang terkandung dalam Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 4: Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	92	43.8
Perempuan	118	56.2
Jumlah	210	100.0

Jadual 5: Bilangan Responden Mengikut Jabatan Akademik

Jabatan Akademik	Kekerapan	Peratus
Jabatan Perdagangan (JP)	101	48.1
Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	34	16.2
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	64	30.5
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK)	11	5.2
Jumlah	210	100.0

Pecahan responden lelaki adalah seramai 92 (43.8%) manakala responden perempuan adalah seramai 118 (56.2%). Taburan responden mengikut jabatan menunjukkan seramai 101 (48.1%) daripada Jabatan Perdagangan, 34 (16.2%) daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik, 64 (30.5%) daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, dan 11 (5.2%) daripada Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Jadual 6 menunjukkan peringatan ibu bapa atau penjaga terhadap penghayatan Islam dalam kehidupan seharian. Seramai 175 (83.3%) responden memberi maklum balas ibu bapa atau penjaga mereka sangat mengambil berat, 34 (16.2%) ibu bapa atau penjaga bersikap sederhana dan 1 (0.5%) ibu bapa atau penjaga bersikap tidak mengambil kisah terhadap penghayatan Islam dalam kehidupan seharian.

Jadual 6: Peringatan Ibu Bapa Atau Penjaga Terhadap Penghayatan Islam Dalam Kehidupan Sehari-hari

Peringatan Ibu Bapa Atau Penjaga Terhadap Penghayatan Islam Dalam Kehidupan Sehari-hari	Kekerapan	Peratus
Sangat mengambil berat	175	83.3
Sederhana	34	16.2
Tidak mengambil kisah	1	0.5
Jumlah	210	100.0

Tahap Pengetahuan Rukhsah Solat

Terdapat 17 item soalan disediakan untuk mengetahui tahap pengetahuan rukhsah solat dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Item-item tersebut adalah sebagaimana Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Item-Item Tahap Pengetahuan Rukhsah Solat

Item Pernyataan
B1 Saya tahu ada kemudahan untuk berwuduk dengan menggunakan <i>spray</i> .
B2 Saya tahu ada kemudahan tayammum ketika sakit.
B3 Saya tahu ada kemudahan solat ketika sakit dalam Islam.
B4 Saya tahu setiap pergerakan mestilah mengikut rukun solat.
B5 Saya tahu kaedah solat jika sakit.
B6 Saya tahu kaedah solat ketika duduk di atas kerusi.
B7 Saya tahu kaedah solat ketika duduk antara dua sujud.
B8 Saya tahu kaedah solat ketika baring mengiring.
B9 Saya tahu kaedah solat ketika baring menelentang.
B10 Saya tahu kaedah solat menggunakan isyarat mata.
B11 Saya tahu kaedah solat menggunakan isyarat hati.
B12 Saya tahu kepala ditinggikan dan muka menghadap kiblat semasa solat baring menelentang.
D1 Saya tahu ada <i>spray</i> yang dikhususkan untuk berwuduk.
D2 Saya tahu terdapat debu tayammum dijual.
D3 Saya tahu untuk mengambil wuduk menggunakan <i>spray</i> .
D4 Saya tahu bertayammum untuk menggantikan wuduk.
D7 Alatan <i>spray</i> dan debu tayammum mudah didapati di pasaran.

Hasil skor min dan sisihan piawai (SP) yang diperolehi adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Skor Min Dan Sisihan Piawai (SP) Tahap Pengetahuan Rukhsah Solat

Item	Min	SP	Interpretasi
B1	4.13	1.02	Tinggi
B2	4.54	.77	Tinggi
B3	4.70	.63	Tinggi
B4	4.72	.55	Tinggi
B5	4.39	.82	Tinggi
B6	4.46	.77	Tinggi
B7	4.59	.67	Tinggi
B8	3.98	.99	Tinggi
B9	4.01	.99	Tinggi

B10	3.89	1.08	Tinggi
B11	3.70	1.11	Tinggi
B12	3.93	1.00	Tinggi
D1	3.84	.99	Tinggi
D2	4.07	1.00	Tinggi
D3	3.77	1.08	Tinggi
D4	4.29	.80	Tinggi
D7	3.85	.98	Tinggi
Keseluruhan	4.16	.57	Tinggi

Dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan rukhsah solat dalam kalangan pelajar adalah tinggi dengan skor min keseluruhan 4.16 dan sisihan piawai 0.57. Merujuk kepada Jadual 8, kesemua 17 item mencatatkan skor min yang tinggi iaitu antara 3.70 hingga 4.72. Ini menunjukkan pelajar-pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang mempunyai pengetahuan asas berkenaan rukhsah solat yang meliputi tatacara bersuci sama ada berwuduk atau bertayammum ketika sakit, kaedah pelaksanaan rukhsah solat mengikut keadaan kemampuan pesakit dan alatan yang digunakan untuk bersuci berserta cara penggunaannya.

Hasil keputusan analisis ini menggambarkan tahap pengetahuan rukhsah solat pelajar adalah sangat baik. Tempoh belasan tahun persekolahan berjaya membekalkan ilmu dan meningkatkan pengetahuan pelajar. Maka majoriti pelajar tahu dan faham berkaitan rukhsah solat walaupun tidak wujud silibus berkaitan rukhsah solat dalam kurikulum di politeknik. Ini menunjukkan kandungan kurikulum mata Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia telah berjaya membekalkan ilmu fardu ain khususnya ibadah solat dengan sempurna kepada pelajar (Nurul Syuhada, Fathiyah & Asmawati, 2016).

Tahap Amalan Rukhsah Solat

Terdapat 13 item soalan disediakan untuk mengetahui tahap amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Item-item tersebut adalah sebagaimana Jadual 9 dibawah:

Jadual 9: Item-Item Tahap Amalan Rukhsah Solat

Item	Pernyataan
C1	Saya selalu berwuduk dengan menggunakan <i>spray</i> ketika sakit.
C2	Saya pernah tayammum ketika sakit.
C3	Saya selalu melaksanakan kemudahan solat ketika sakit.
C4	Saya ingin melaksanakan kemudahan solat ketika sakit.
C5	Saya tidak pernah meninggalkan solat ketika sakit.
C6	Saya pernah melaksanakan solat semasa sakit.
C7	Saya pernah melaksanakan solat secara duduk.
C8	Saya pernah melaksanakan solat secara baring.
C9	Saya sentiasa menunaikan solat lima waktu walaupun sakit.
C10	Saya yakin dengan kemudahan solat ketika sakit.
C11	Saya berusaha solat seperti biasa walaupun sakit.
D5	Saya pernah diajar untuk berwuduk menggunakan <i>spray</i> secara praktikal.
D6	Saya pernah diajar tayammum secara praktikal di dalam kelas.

Hasil skor min dan sisihan piawai (SP) yang diperoleh adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 10 di bawah:

Jadual 10: Skor Min Dan Sisihan Piawai (SP) Tahap Amalan Rukhsah Solat

Item	Min	SP	Interpretasi
C1	2.87	1.22	Sederhana
C2	2.82	1.31	Sederhana
C3	3.61	1.10	Sederhana
C4	3.97	.93	Tinggi
C5	3.47	1.06	Sederhana
C6	4.11	.93	Tinggi
C7	3.71	1.32	Tinggi
C8	2.24	1.26	Rendah
C9	3.71	1.05	Tinggi
C10	4.24	.88	Tinggi
C11	4.18	.85	Tinggi
D5	3.39	1.23	Sederhana
D6	4.35	.87	Tinggi
Keseluruhan	3.59	.61	Sederhana

Dapatan kajian mendapati tahap amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana dengan skor min keseluruhan 3.59 dan sisihan piawai 0.61. Merujuk kepada Jadual 9, terdapat 7 item mencatatkan skor min yang tinggi di antara 3.71 hingga 4.35 iaitu C4 (saya ingin melaksanakan kemudahan solat ketika sakit), C6 (saya pernah melaksanakan solat semasa sakit), C7 (saya pernah melaksanakan solat secara duduk), C9 (saya sentiasa menunaikan solat lima waktu walaupun sakit), C10 (saya yakin dengan kemudahan solat ketika sakit), C11 (saya berusaha solat seperti biasa walaupun sakit) dan D6 (saya pernah diajar tayammum secara praktikal di dalam kelas). Manakala lima lagi item lain iaitu C1 (saya selalu berwuduk dengan menggunakan *spray* ketika sakit), C2 (saya pernah tayammum ketika sakit), C3 (saya selalu melaksanakan kemudahan solat ketika sakit), C5 (Saya tidak pernah meninggalkan solat ketika sakit), dan D5 (saya pernah diajar untuk berwuduk menggunakan *spray* secara praktikal) mencatatkan skor min pada tahap sederhana di antara 2.82 hingga 3.61. Walau bagaimanapun, terdapat 1 item yang mencatatkan tahap rendah dengan skor min 2.24 iaitu item C8 (saya pernah melaksanakan solat secara baring).

Secara keseluruhannya skor min dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mengamalkan rukhsah solat pada tahap sederhana sahaja. Dapatan ini juga menunjukkan pelajar tidak konsisten untuk sentiasa menunaikan solat dalam keadaan sakit serta kurang membiasakan diri menggunakan peralatan bersuci seperti *spray* untuk berwuduk dan debu pasir untuk bertayammum bagi menggantikan air. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Norhidayani dan Mohd Zaid (2022) yang mendapati tahap pengamalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian soal selidik oleh Seri Kartini dan Fariza (2013) juga mendapati ramai pelajar yang tidak konsisten melakukan solat fardu.

Kesimpulan

Hasil daripada analisis yang telah dilakukan mendapati bahawa tahap pengetahuan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Namun, tinjauan daripada aspek tahap amalan rukhsah solat dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar Islam Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang mempunyai tahap pengetahuan rukhsah solat yang tinggi tetapi

tidak semestinya semua pengetahuan yang dimiliki itu diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

Pengkaji berpendapat semua pihak sama ada tenaga pengajar, golongan agamawan mahupun pihak pemerintah perlu mengambil tindakan bagi menggalakkan pembudayaan solat dalam kehidupan terutamanya ketika berada dalam keadaan sukar. Dapatan kajian ini diharapkan akan menjadi pemangkin kepada keperluan untuk membangunkan modul atau model sokongan berupa manual pembangunan solat sebagai galakan kepada generasi muda untuk menunaikan solat terutamanya dalam keadaan sakit mahupun musafir. Selain itu kajian ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pihak yang berkepentingan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi memastikan penyebaran ilmu pengetahuan dan amalan rukhsah solat menjadi keutamaan kerana solat merupakan syiar agama yang paling utama.

Rujukan

- Abd Rashid Ahmad. (1995). Aspek-aspek pendidikan dalam solat. *Jurnal Usuluddin*, 2(2), 155–173.
- Al-Sayuti, Jalal al-Din ‘Abd Rahman. (2009). *al-Asybah wa al-Nazair*. Kaherah: Dar Salam.
- Che Anuar Che Mohamad, Rosazra Roslan, Mohd Ariff Sharifudin & Mai Nurul Ashikin Taib. (2015). A review on the applications of rukhsah in medical practice. Dlm. Esam Eltigani & Raudlotul Firdaus (pnyt.), *Revelation and science in the 21st century* (hlm. 57–63). IIUM Press.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Data dan Rekod. (2023). Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.
- Habibah Ayob, Che Noriah Othman, Halipah Othman & Suryaefiza Karjanto. (2015). Tahap kefahaman dan praktik solat dalam kalangan masyarakat orang asli Kuala Boh, Tanah Tinggi Cameron Pahang, Malaysia. *ESTEEM Academic Journal*, 11(2), 87–96.
- Hafizah Khusni, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Ishak Muhamad. (2022). Ketahanan rohani dalam kalangan pesakit COVID-19: kajian konseptual. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 119-134. Kolej Universiti Islam Selangor.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin & Mohd Ismail Mustari. (2015). Kefahaman ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar Islam: kajian tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika* 5(3), 21–34.
- Irwan Mohd Subri, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Walid Mohd Said, Nisar Mohammad Ahmad, Amir Shahrudin, Mohd Aizzuddin Abdul Aziz, Mohd Azhar Ibrahim Residi, Mohd Nur Adzam Rasdi, Syadiyah Abdul Shukor & Bilal Jailani. (2016). Isu-isu fiqh di pusat pemindahan mangsa banjir: kajian perintis di daerah Temerloh, Pahang. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 8, 10–20.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Lim Chap Sam & Chee Kim Mang. (2010). Kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan. Dlm. Noraini Idris. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mohd Saleh Ahmad. (2005). Rukhsah dalam ibadat: satu huraian ringkas. Dlm. Salihah Ab. Halim (pnyt.). *Risalah ahkam* (hlm. 319-330). Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Nor Azah Abdul Aziz. (2011). Kaedah menangani stres dengan solat. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 1-10.
- Norhidayani Said & Mohd Zaid Mohd Arshad. (2022). Kefahaman dan Pengalaman Pelajar Terhadap Rukhsah Solat Ketika Sakit di Kolej Komuniti Perak. Dlm. *International*

- Conference on Global Education IX “Technological and Educational Empowerment Post Covid-19”* (hlm. 439-445).
- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati. (2016). Pendekatan dan kaedah pengajaran ibadah solat guru Pendidikan Islam menurut perspektif murid. *Online Journal of Islamic Education*, 4(2), 46-53.
- Othman Talib. (2015). *SPSS analisis data kuantitatif untuk penyelidik muda*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication Sdn. Bhd.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Sham, Siti Norlina Muhamad, A’dawiyah Ismail, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Razmi Ismail & Intan Farhana Saparudin. (2014). Pendekatan spiritual dalam menangani histeria. *Sains Humanika* 2(1), 71–76.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for base a skill approach*. United State of America: John Willy & Sons Inc.
- Seri Kartini Juraimi & Fariza Md Sham. (2013). Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat*, 35(1), 29–38.
- Siti Maliati Kasim. (2022). Pelaksanaan ibadat solat dalam kalangan pesakit ortopedik di Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor. (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Solhal Huda Sahidan, Norhafizah Mohd Ghazali & Muhammad Hafiz Mohd Ghazali. (2020). Pengamalan pelajar terhadap rukhsah solat jamak & qasar melalui program usrah di Pusat Islam Politeknik (PTSS). *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)* (hlm. 359-368). UMP.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An introduction (7th Edition)*. Boston: Allyn and Bacon.